

CNS8603

R GB 04-02 00184 BA364

bah

Abdullah

PROTON SAGA MUNGKIN DIPASANG DI FILIPINA

Daripada Azman Ujang

1

MANILA, 4 Feb (Bernama) -- Kereta Nasional Proton Saga mungkin dipasang di Filipina jika cadangan itu didapati sesuai, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Cadangan itu timbul semasa perbincangan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Fidel Ramos di sini semalam, kata beliau kepada pemberita di sini.

Di samping cadangan itu, Malaysia juga berminat dalam mengilang komponen-komponen kereta di Filipina.

Cadangan itu bukan sahaja bertujuan memperkembangkan pasaran bagi kereta nasional itu tetapi juga bagi membantu Filipina menimba pengetahuan dalam memasang kereta dan mengilang kopyen-komponen kereta.

"Malaysia mula mendapat pengetahuan mengenai industri kereta dengan memasang kereta dan kita mahu Filipina mendapatkan pengalaman yang sama bagi membolehkan mereka menceburi industri kereta," kata beliau.

Abdullah juga berkata perkhidmatan udara dan laut yang baru sedang dikenalpasti bagi mempercepatkan pelaksanaan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) yang terdiri daripada Malaysia Timur, Sulawesi di Indonesia and Brunei seperti yang dicadangkan oleh Filipina. --Lagi

AU PR

▼04/02/23-01MST

R GB 04-02 00133 BA365

bah

Abdullah 2 Manila

"Ini mungkin melibatkan pembentukan syarikat penerbangan baru bagi menyediakan perkhidmatan di kawasan itu kerana rangkaian udara dan laut akan menggalakkan pergerakan orang ramai dan barangan," kata beliau.

Semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai perjumpaan hari ini antara Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin Senate dan Kongress, Menteri Luar itu berkata penuntut Malaysia mungkin dihantar ke universiti-universiti di Filipina di bawah satu program khas yang akan diatur oleh kedua-dua negara.

Malaysia sangat berminat dalam meningkatkan kerjasama dengan Filipina dalam bidang pendidikan dan ini termasuk Filipina menghantar pensyarah untuk mengajar di Malaysia.

Program itu juga bermakna Malaysia boleh mengambil pelajar-pelajar dari Filipina.

Tetapi persoalan dalam membiawaikan bentuk pendidikan dan pembelajaran serta pengiktirafan ijazah dari kedua-dua negara perlu perlu diatasi, kata beliau. -- Lagi

▼04/02/23-17MST

bah

Abdullah 3 (Akhir) Manila

Buat permulaan satu program kerjasama akan diwujudkan antara Universiti Islam Antarabangsa di sini dan Universiti Negeri Mindanao di Filipina Selatan bagi tujuan itu.

Dr Mahathir juga mencadangkan kepada anggota-anggota Kongress dan Senator-senator supaya Filipina menyediakan diri bagi Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) sebagai satu mekanisme bagi menghasilkan lebih banyak peluang perdagangan dengan negara-negara lain di Selatan.

"Senator-senator dan anggota-anggota kongress itu berterima kasih kerana dapat berdialog dengan Perdana Menteri. Mereka termasuk pengerusi pelbagai jawatankuasa senat dan wakil-wakil penduduk Islam Filipina," kata Abdullah.

Abdullah berkata masa depan hubungan Kuala Lumpur-Manila nampak cerah kerana kedua-dua pihak mula mengenali semula satu sama lain dan ingin mewujudkan perhubungan rapat dalam semua bidang khususnya dalam perdagangan dan pelaburan.

"Kedua-dua pihak tidak akan membiarkan perbezaan politik menjejaskan hubungan seperti di masa lalu," kata beliau. -- Bernama

AU PR

▼04/02/23-41MST